

Zaid Ibrahim Akan Bertanding Di Kota Baharu Pada Pilihan Raya Umum Ke-13
Bernama
7 Mac, 2012

PETALING JAYA, 7 Mac (Bernama) -- Presiden Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (Kita) Datuk Zaid Ibrahim Rabu berkata beliau akan bertanding di kawasan Parlimen Kota Baharu di atas tiket parti itu pada pilihan raya umum akan datang.

Sambil menyatakan bahawa Kita juga akan bertanding untuk beberapa kerusi lain, beliau berkata perincian mengenai calon dan senarai kerusi yang bakal ditandingi akan diumumkan pada akhir bulan.

Zaid, yang bercakap pada pemberita di kediamannya di sini, adalah Anggota Parlimen Kota Baharu dari tahun 2004 hingga 2008 tetapi digugurkan sebagai calon pada pilihan raya umum 2008.

Beliau kemudian menyertai Parti Keadilan Rakyat (PKR) tetapi keluar daripada parti itu pada 2010 sebelum menubuhkan Kita.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650651>